



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil.37 ) dlm. SUKNS 200(08)  
454 A Jilid 7  
Tarikh : 02 Mei 2024

## SESIAPA YANG BERKENAAN

Y.B. Dato'/ Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

## IKLAN JAWATAN KOSONG DI PENTADBIRAN LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan, keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus untuk mengisi kekosongan jawatan di Lembaga Muzium Negeri Sembilan seperti berikut :

1. a) Jawatan : **PEMBANTU MUZIUM GRED S19**
- b) Jumlah Kekosongan : 1 (satu)
- c) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
- d) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- e) Taraf Jawatan : Tetap
- f) Jumlah Kekosongan : 1 (satu)
- g) Gred/ Jadual Gaji : **Gred S19**  
Gaji Minimum : RM1,352.00  
Gaji Maksimum : RM4,003.00  
Kadar KGT : RM100.00

**2. Syarat Lantikan** : Calon-calun bagi lantikan terus hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
  - i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) dan Kepujian dalam salah satu subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
  - ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 atau Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - iii) Mempunyai asas kemahiran komputer seperti Microsof Office, Power Point dan sebagainya serta calon-calun yang mempunyai sifat berintegriti dan semangat kerja berpasukan yang tinggi akan diberi keutamaan.

**3. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** : Pegawai- pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Muzium adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**4. Cara Memohon :**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang **SPA.1 Pin. 7/91** yang boleh didapati di Pentadbiran **LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN** atau dimuat turun di laman web **[www.ns.gov.my](http://www.ns.gov.my)**.

- b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil- Sijil Pelajaran, *Curriculum Vitae (CV)* dan lain-lain dokumen berkaitan yang diakui sah serta gambar berukuran pasport (berwarna). Bagi pemohon yang lahir di luar Negeri Sembilan hendaklah mengemukakan salinan Sijil Lahir ibu/bapa yang diakui sah yang membuktikan kelahiran Negeri Sembilan.
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut *Perintah Am 21 Bab 'A' – 1973* dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini, bertaip beserta salinan *Laporan Nilai Prestasi Tahunan Terkini (2023)*.
- d) Calon -calon yang berkeelayakan dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.
- f) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah**  
**Lembaga Muzium Negeri Sembilan**  
**Jalan Sungai Ujong**  
**70200 Seremban**  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**

g) Tarikh tutup permohonan ialah pada : **15 Mei 2024**

**PERHATIAN :**

Permohonan yang lewat diterima, tidak disahkan, tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ROSRITA BINTI MOHAMAD NORDIN)**

Kurator

Bahagian Antikuiti

b.p Pengarah

Lembaga Muzium Negeri Sembilan

RMN/rs/2024

sk 1. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus Merangkap  
Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Sembilan  
Tingkat 5 Blok A Wisma Negeri  
70503 Seremban